

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

Email : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

Email Bahagian : [lpphq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

:  
:  
:

LPP(B) 5/6 Jld.8 ( 21 )

12 Disember 2018

Pengarah,  
Lembaga Pertubuhan Peladang,  
Negeri .....

Pengurus Besar,  
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pengurus Besar,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pengurus Besar,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pejabat Wakil Pendaftar,  
Bahagian Institusi Peladang,  
Jabatan Pertanian Sarawak,  
Tingkat 13, Menara Pelita,  
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub,  
93050 Petrajaya,  
Kuching, Sarawak.

**(u.p : Ketua Penolong Pengarah, Institusi Peladang)**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 4 TAHUN 2018 –  
PENGURUSAN PEROLEHAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) DAN  
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Arahan Pendaftar Bil. 4 Tahun 2018 – Pengurusan Perolehan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), boleh dicapai dan dimuat turun melalui Laman Sesawang LPP di <http://www.lpp.gov.my/> atau <http://www.lpp.gov.my/category/view/51>

3. Sukacita dapat pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan memanjangkan surat ini untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan.


2/...

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

Sekian, terima kasih.

Tema Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) 2018  
" OUR FOOD OUR FUTURE "

Saya yang menjalankan amanah,



(SALLEH BIN HJ. KABUL)

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan,  
b/p Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang.

s.k

Ketua Pengarah,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Setiausaha Tetap,  
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,  
Merangkap Wakil Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak.

Pengarah, Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Fail Timbul

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

Email : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

Email Bahagian : [lpphq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN

TEL: 03-2610 9600

FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan

Ruj. Kami

Tarikh

LPP (B) 5/6 Jld.8 ( 20 )

07 Disember 2018

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 4 TAHUN 2018

### PENGURUSAN PEROLEHAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN DAN PERTUBUHAN PELADANG NEGERI

#### 1.0 TUJUAN

Arahan Pendaftar ini adalah untuk memaklumkan tatacara pengurusan perolehan di Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan berkesan.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Prosedur ini digunakan oleh Pertubuhan Peladang bagi melaksanakan proses perolehan merangkumi perolehan secara belian terus, sebutharga dan tender;
- 2.2 Pengurusan perolehan yang cekap akan menghasilkan 'value for money' kepada pengurusan PP;
- 2.3 Secara langsung akan memberikan kelebihan ke atas produk atau perkhidmatan yang diperolehi serta perbelanjaan berhemah PP.

#### 3.0 TAKRIF

- 3.1 "Akta" ertinya Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973;
- 3.2 "Peraturan" ertinya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983;
- 3.3 "Arahan Pendaftar" ertinya Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang yang dibuat di bawah Peraturan 85, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983;
- 3.4 "Pendaftar" ertinya Pendaftar Pertubuhan Peladang;
- 3.5 "Pertubuhan Peladang" ertinya sesuatu Pertubuhan Peladang (PP) yang dibentuk di bawah seksyen 3 di peringkat kawasan, negeri atau kebangsaan dan didaftarkan di bawah Seksyen 9 Akta PP 1973 (Akta 109);

3.6 **"Perolehan"** ertinya mendapatkan bekalan atau perkhidmatan atau kerja yang dibayar daripada jumlah wang yang diperuntukkan dan diluluskan dalam belanjawan PP dalam tahun berkenaan;

3.6.1 Sebarang aktiviti perolehan PP boleh dilaksanakan melalui salah satu kaedah berikut:

(i) **Belian Terus**

Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000.00. Dari mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;

(ii) **Sebutharga**

Nilai perolehan bekalan atau kerja atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00. Boleh mempelawa sebutharga di kalangan mana-mana pembekal bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB di dalam kod bidang berkaitan;

(iii) **Tender**

Nilai perolehan bekalan atau kerja atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00. Boleh mempelawa tender di kalangan mana-mana pembekal bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB di dalam kod bidang berkaitan.

#### 4.0 PUNCA KUASA

4.1 Pendaftar PP diperuntukkan kuasa di bawah Peraturan 85, Peraturan-Peraturan PP 1983 seperti berikut :

*"Pendaftar boleh jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan - arahan dan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan - peruntukan Akta dan Peraturan"*

## 5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan perolehan ini perlu dibawa ke Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah (AJP) untuk kelulusan selaras dengan Perkara 61(ii) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Perkara 57(ii) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Semua Pertubuhan Peladang adalah dikehendaki untuk menjadikan Prosedur Kualiti ini sebagai satu prosedur tetap yang diamalkan seperti di Lampiran 1;
- 6.2 Sekiranya terdapat sesuatu percanggahan antara mana-mana Prosedur Kualiti dengan mana-mana peruntukan akta, peraturan dan Arahan-Arahan Pendaftar yang sedang berkuatkuasa, maka peruntukan Akta, Peraturan atau Arahan Pendaftar hendaklah dipakai.

## 7.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Arahan Pendaftar ini mulai 07 haribulan **Disember** tahun Dua Ribu Lapan Belas.





(HAJI HAMZAH BIN HAJI BAHARI)  
Pendaftar  
Lembaga Pertubuhan Peladang

PK-PT-01

PERTUBUHAN PELADANG

PENGURUSAN PEROLEHAN

| Disediakan    |  | Diluluskan    |  |
|---------------|--|---------------|--|
| Tandatangan : |  | Tandatangan : |  |
| Nama :        | <del>Salleh Bin Hj. Kabul</del>  | Nama :        | Haji Hamzah Bin Haji Bahari  |
| Jawatan :     | Pengarah Bahagian<br>Penyeliaan dan<br>Penguatkuasaan                              | Jawatan :     | Ketua Pengarah   |
| Tarikh :      |  | Tarikh :      |  |

NO. SALINAN KAWALAN

# PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan bagi memastikan Pengurusan Perolehan dilaksanakan secara sistematik, cekap dan berkesan.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) bagi melaksanakan Prosedur Perolehan merangkumi perolehan secara belian terus, sebutharga dan tender. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dikecualikan di bawah Manual Prosedur Kualiti (MPQ) ini.

## 3.0 RUJUKAN

- 1.1 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109)
- 1.2 Peraturan-Peraturan PP 1983
- 1.3 Perlembagaan PP -2
- 1.4 Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang 2006
  - Arahan Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2006 – Pemakaian Manual Perakaunan
- 1.5 Arahan Perbendaharaan (Pind. 2008)
- 1.6 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan

## 4.0 DEFINISI

### 4.1 Perolehan

Mendapatkan bekalan atau perkhidmatan atau kerja yang dibayar daripada jumlah wang yang diperuntukkan dan diluluskan dalam belanjawan PP dalam tahun berkenaan.

- 1.1 Sebarang aktiviti perolehan PP boleh dilaksanakan melalui salah satu kaedah berikut:

No. Keluaran :02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

### (i) Belian Terus

Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000.00. Dari mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.

### (ii) Sebutharga

Nilai perolehan bekalan atau kerja atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00. Boleh mempelawa sebutharga dikalangan mana-mana pembekal bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB didalam kod bidang berkaitan.

### (iii) Tender

Nilai perolehan bekalan atau kerja atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00. Boleh mempelawa tender dikalangan mana-mana pembekal bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera Bumiputera yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB didalam kod bidang berkaitan.

## 4.2 Pembekal Berkelayakan

Pembekal berkelayakan terdiri daripada pemborong, pengedar, pembekal, dan kontraktor berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB bagi item/perkhidmatan yang diperlukan oleh PP.

## 4.3 Integriti Pact

Integriti Pact merupakan satu proses pengisytiharaan oleh pembida untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan PP. Seterusnya, pembida dan pekerja PP akan menandatangani satu 'pact' atau perjanjian untuk

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:



## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran 'pact' atau kontrak tersebut.

### 5.0 KAEDAH DAN HAD PEROLEHAN

#### 5.1 Belian Terus

- i. Pembelian terus daripada pembekal yang berkelayakan yang menawarkan harga berpatutan dan terbaik bagi pembelian yang bernilai tidak melebihi RM50,000.00 setiap pembelian. Kajian pasaran diperlukan minimum daripada tiga (3) pembekal jika nilai perolehan seperti dalam Jadual 1. Keputusan perolehan tertakluk kepada keputusan mesyuarat AJP.

Jadual 1

| Peringkat PP | Had Nilai                   | Bil. Kajian Pasaran |
|--------------|-----------------------------|---------------------|
| PPN          | RM30,001 hingga RM50,000.00 | Tiga (3) pembekal   |
| PPK          | RM10,001 hingga RM50,000.00 | Tiga (3) pembekal   |

- ii. Manakala bagi nilai perolehan seperti dalam Jadual 2 diperlukan sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal atau satu (1) dengan harga yang munasabah. Kuasa melulus adalah Pengurus Besar PP tertakluk kepada penurunan kuasa oleh Mesyuarat AJP seperti jadual 1 berikut;

Jadual 2

| Peringkat PP | Had Nilai              | Bil. Kajian Pasaran                    |
|--------------|------------------------|--|
| PPN          | RM15,001 - RM30,000.00 | Tiga (3) pembekal                      |
|              | Sehingga RM15,000.00   | Satu (1) pembekal harga yang munasabah |
| PPK          | RM5,001 - RM10,000.00  | Tiga (3) pembekal                      |
|              | Sehingga RM5,000.00    | Satu (1) pembekal harga yang munasabah |

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

- iii. PP adalah dilarang memecahkecilkan perolehan bagi mengelakkan perolehan dilakukan secara sebutharga atau tender. Bagi item/kerja yang sama pada tahun semasa yang melebihi RM50,000.00 perlu dilaksanakan secara sebutharga atau tender.

### 5.2 Sebutharga

Tawaran harga yang diperolehi untuk kerja pembekalan atau perkhidmatan atau kerja yang bernilai **melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00** bagi setiap tawaran. Tawaran sebutharga perlu dipelawa sekurang-kurangnya lima (5) pembekal berkelayakan. Kuasa melulus adalah tertakluk kepada penurunan kuasa Mesyuarat AJP kepada jawatankuasa yang terlibat. Perolehan secara sebutharga adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu;

#### 5.2.1 Sebutharga Kerja

| Bil | J/Kuasa                                     | Keahlian   | Terma Rujukan (TOR)  |
|-----|---|--|--|
| 1.  | J/Kuasa Pembuka Sebutharga (JKBSH)          | Pengerusi :<br>PP (B)<br><br>Ahli :<br>Pembantu / Kerani PP<br><br>Urusetia :<br>Pentadbiran/ Kewangan/<br>Akaun / HEK                                       | i. Tutup dan Buka peti sebutharga.<br>ii. Pembuka dokumen sebutharga.<br>iii. Semak dokumentasi<br>iv. Memberi kod penyebut harga.<br>v. Pamerkan harga tawaran.<br>vi. Sediakan laporan pembuka sebutharga dan ditandatangani oleh Jawatankuasa.  |
| 2.  | J/Kuasa Penilaian Kerja Sebutharga (JKNKSH) | Pengerusi :<br>Seorang AJP<br><br>Ahli:<br>i. PA<br>ii. PP (B)<br>iii. Wakil LPP Negeri dan<br>iv. Wakil Jab. Teknikal /<br>Perunding Dilantik<br>Urusetia : | i. Buat penilaian kewangan/<br>teknikal.<br>ii. Kenalpasti kekuatan kewangan dan teknikal pembekal.<br>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal yang layak setelah melepasi penilaian teknikal dan kewangan berasaskan kriteria penilaian.<br>iv. Laporan ditandatangani oleh |

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Bil | J/Kuasa                         | Keahlian   | Terma Rujukan (TOR)   |
|-----|---------------------------------|--|---|
|     |                                 | Bahagian Pentadbiran/<br>Kewangan/ Akaun   | Jawatankuasa.   |
| 3.  | J/Kuasa<br>Sebutharga<br>(JKSH) | Pengerusi :<br>Pengerusi AJP atau AJP<br>yang dilantik oleh<br>Mesyuarat AJP<br><br>Ahli :<br>i. Seorang AJP dan<br>ii. PB<br><br>Urusetia :<br>PT | i. Membuat keputusan sebutharga yang berjaya berasaskan Laporan Penilaian Sebutharga.<br>ii. Keputusan sebutharga ditandatangani oleh Jawatankuasa<br>iii. Keputusan award boleh dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya.<br>iv. Bentang keputusan sebutharga dalam Mesyuarat AJP. |

**NOTA:**

**Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebutharga tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Sebutharga atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian. Semua Jawatankuasa Sebutharga hendaklah dilantik oleh Mesyuarat AJP.**

### 5.2.2 Sebutharga Bekalan Dan Perkhidmatan

| Bil | J/Kuasa  | Keahlian  | Terma Rujukan (TOR)   |
|-----|--|---|---|
| 1.  | J/Kuasa<br>Pembuka<br>Sebutharga<br>(JKBSH)            | Pengerusi :<br>i. PP (B)<br><br>Ahli :<br>i. Pembantu / Kerani PP<br><br>Urusetia :<br>Pentadbiran/ Kewangan/<br>Akaun / HEK                | i. Buka peti sebutharga.<br>ii. Pembuka dokumen sebutharga.<br>iii. Semak dokumentasi.<br>iv. Memberi kod penyebut harga.<br>v. Pamerkan harga tawaran.<br>vi. Sediakan laporan pembuka sebutharga dan ditandatangani oleh Jawatankuasa |
| 2.  | J/Kuasa<br>Penilaian<br>Harga<br>Sebutharga<br>(JKNSH) | Pengerusi : Seorang AJP<br><br>Ahli:<br>i. PA<br>ii. PP (B)<br>iii. Wakil LPP Negeri dan<br>iv. Wakil Jab. Teknikal /<br>Perunding Dilantik | i. Buat penilaian kewangan.<br>ii. Kenalpasti kekuatan kewangan pembekal.<br>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal berasaskan kriteria penilaian.<br>iv. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa.                      |

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Bil | J/Kuasa  | Keahlian  | Terma Rujukan (TOR)   |
|-----|--|---|---|
|     |  | Urusetia :<br>Bahagian Pentadbiran/<br>Kewangan/ Akaun  |   |
| 3.  | J/Kuasa<br>Penilaian<br>Teknikal<br>Sebutharga<br>(JKNTSH) | Pengerusi :<br>Seorang AJP<br><br>Ahli:<br>i. PP (B)<br>ii. Wakil LPP Negeri dan<br>iii. Wakil Jab. Teknikal /<br>Perunding Dilantik<br><br>Urusetia:<br>Bahagian Pentadbiran /<br>Kewangan / Akaun | i. Buat penilaian teknikal.<br>ii. Kenalpasti kekuatan teknikal pembekal.<br>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal berasaskan kriteria penilaian.<br>iv. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa.  |
| 4.  | J/Kuasa<br>Sebutharga<br>(JKSH)                            | Pengerusi :<br>Pengerusi AJP atau AJP/<br>yang dilantik oleh<br>Mesyuarat AJP<br><br>Ahli :<br>i. Seorang AJP dan<br>ii. PB<br><br>Urusetia :<br>PT   | i. Membuat keputusan sebutharga yang berjaya berasaskan Laporan Penilaian Sebutharga.<br>ii. Keputusan sebutharga ditandatangani oleh Jawatankuasa<br>iii. Keputusan award boleh dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya.<br>iv. Bentang keputusan sebutharga dalam Mesyuarat AJP. |

**NOTA:**

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebutharga tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Sebutharga atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian. Semua Jawatankuasa Sebutharga hendaklah dilantik oleh Mesyuarat AJP.

### 5.3 Tender

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

Tawaran yang dibuka melalui siaran akhbar kepada semua pembekal-pembekal yang berkelayakan untuk pembekalan dan perkhidmatan atau kerja yang bernilai **melebihi RM500,000.00** bagi setiap tawaran. Kuasa melulus adalah tertakluk kepada penurunan kuasa Mesyuarat AJP kepada jawatankuasa yang terlibat. Perolehan secara tender adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu;

### 5.3.1 Tender Kerja

| Bil | J/Kuasa                                | Keahlian  | Terma Rujukan (TOR)  |
|-----|--|---|--|
| 1.  | J/Kuasa Pembuka Tender (JKBT)          | Pengerusi :<br>PP (B)<br><br>Ahli :<br>PP(B) lain<br><br>Urusetia :<br>PT   | i. Tutup dan Buka peti sebutharga.<br>ii. Pembuka dokumen tender.<br>iii. Semak dokumentasi.<br>iv. Memberi kod pentender.<br>v. Pamerkan harga tawaran.<br>vi. Sediakan laporan pembuka tender.<br>vii. Sediakan laporan pembuka tender dan ditandatangani oleh Jawatankuasa. |
| 2.  | J/Kuasa Penilaian Kerja Tender (JKNKT) | Pengerusi :<br>Seorang AJP<br><br>Ahli:<br>i. Seorang AJP<br>ii. PA<br>iii. Wakil LPP Negeri (Pegawai Kumpulan P & P) dan<br>iv. Wakil Jab. Teknikal / Perunding Dilantik.<br><br>Urusetia :<br>PP(B) | i. Buat penilaian kewangan/teknikal.<br>ii. Kenalpasti kekuatan kewangan dan teknikal pembekal.<br>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal berasaskan kriteria penilaian.<br>iv. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa  |
| 3.  | J/Kuasa Tender (JKT)                   | Pengerusi :<br>Pengerusi AJP atau AJP yang dilantik oleh Mesyuarat AJP<br><br>Ahli :<br>i. Seorang AJP  | i. Membuat keputusan sebutharga yang berjaya berasaskan Laporan Penilaian Sebutharga.<br>ii. Keputusan sebutharga ditandatangani oleh Jawatankuasa<br>iii. Keputusan award boleh   |

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Bil | J/Kuasa | Keahlian  | Terma Rujukan (TOR)  |
|-----|---------|---|--|
|     |         | ii. PB<br>iii. Wakil LPP Negeri<br>(Pegawai Kumpulan<br>P & P)<br><br>Urusetia :<br>PP(B) | dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya.<br>iv. Bentang keputusan sebutharga dalam Mesyuarat AJP. |

**NOTA:**

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tender tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Tender atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian Semua Jawatankuasa Tender hendaklah dilantik oleh Mesyuarat AJP.

### 5.3.2 Tender Bekalan Dan Perkhidmatan

| Bil | J/Kuasa                                | Keahlian  | Terma Rujukan (TOR)   |
|-----|--|---|---|
| 1.  | J/Kuasa Pembuka Tender (JKBT)          | Pengerusi :<br>PP (B)<br><br>Ahli :<br>PP(B) lain<br><br>Urusetia :<br>PT   | i. Tutup dan Buka peti sebutharga<br>ii. Pembuka dokumen tender.<br>iii. Semak dokumentasi.<br>iv. Memberi kod pentender.<br>v. Pamerkan harga tawaran.<br>vi. Sediakan laporan pembuka tender.<br>vii. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa. |
| 2.  | J/Kuasa Penilaian Harga Tender (JKNHT) | Pengerusi :<br>Seorang AJP<br><br>Ahli:<br>i. Seorang AJP<br>ii. PA<br>iii. Wakil LPP Negeri<br>(Pegawai Kumpulan<br>P & P)<br><br>Urusetia :<br>PA | i. Buat penilaian kewangan<br>ii. Kenalpasti kekuatan kewangan pembekal.<br>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal berasaskan kriteria penilaian.<br>iv. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa.                                 |
| 3.  | J/Kuasa Penilaian Teknikal             | Pengerusi :<br>Seorang AJP  | i. Buat penilaian teknikal.<br>ii. Kenalpasti kekuatan teknikal   |

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Bil | J/Kuasa              | Keahlian   | Terma Rujukan (TOR)  |
|-----|----------------------|--|--|
|     | Tender (JKNTT)       | <p>Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seorang AJP</li> <li>ii. Wakil LPP Negeri (Pegawai Kumpulan P &amp; P) dan</li> <li>iii. Wakil Jab. Teknikal / Perunding Dilantik</li> </ul> <p>Urusetia :<br/>PP(B)</p>   | <p>pembekal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Sediakan Laporan Penilaian dan cadangan pembekal berasaskan kriteria penilaian.</li> <li>iv. Laporan ditandatangani oleh Jawatankuasa.</li> </ul>   |
| 4.  | J/Kuasa Tender (JKT) | <p>Pengerusi :</p> <p>Pengerusi AJP atau AJP yang dilantik oleh Mesyuarat AJP</p> <p>Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seorang AJP</li> <li>ii. PB</li> <li>iii. Wakil LPP Negeri (Pegawai Kumpulan P &amp; P)</li> </ul> <p>Urusetia :<br/>PP(B)</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat keputusan sebutharga yang berjaya berasaskan Laporan Penilaian Sebutharga.</li> <li>ii. Keputusan sebutharga ditandatangani oleh Jawatankuasa</li> <li>iii. Keputusan award boleh dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya. Bentang keputusan sebutharga dalam Mesyuarat AJP.</li> </ul> |

**NOTA:**

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tender tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Tender atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian. Semua Jawatankuasa Tender hendaklah dilantik oleh Mesyuarat AJP.

### 6.0 SINGKATAN

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

### PK-PT-01

- |       |        |   |  |
|-------|--------|---|--|
| 6.1.  | PP     | - | Pertubuhan Peladang Kawasan/ Negeri        |
| 6.2.  | AJP    | - | Ahli Jemaah Pengarah                       |
| 6.3.  | JKBSH  | - | Jawatankuasa Pembuka Sebutharga            |
| 6.4.  | JKNKSH | - | Jawatankuasa Penilaian Kerja Sebutharga    |
| 6.5.  | JKNSH  | - | Jawatankuasa Penilaian Harga Sebutharga    |
| 6.6.  | JKNTSH | - | Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebutharga |
| 6.7.  | JKSH   | - | Jawatankuasa Sebutharga                    |
| 6.8.  | JKBT   | - | Jawatankuasa Pembuka Tender                |
| 6.9.  | JKNKT  | - | Jawatankuasa Penilaian Kerja Tender        |
| 6.10. | JKT    | - | Jawatankuasa Tender                        |
| 6.11. | JKNHT  | - | Jawatankuasa Penilaian Harga Tender        |
| 6.12. | JKNTT  | - | Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender     |
| 6.13. | PB     | - | Pengurus Besar                             |
| 6.14. | PP(B)  | - | Pengurus - Pengurus Bahagian/ Projek       |
| 6.15. | PT     | - | Pengurus Pentadbiran                       |
| 5.12  | PA     | - | Pengurus Akaun                             |
| 5.13  | P & P  | - | Pengurusan dan Profesional                 |

## 7.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:



## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

### 7.1. BELIAN TERUS

#### 7.1.1 Keputusan Pengurus Besar

| Tanggungjawab | Tindakan  |
|---------------|---|
| PP(B)         | 1. Sediakan senarai dan spesifikasi barangan atau perkhidmatan atau kerja yang diperlukan untuk buat perolehan.   |
|               | 2. Dapatkan kajian pasaran dari pembekal berasaskan Jadual 2 perkara 4.3.1 (ii). Kuasa melulus adalah tertakluk kepada penurunan kuasa Mesyuarat AJP seperti dipara 4.3.1 (ii). |
|               | 3. Serahkan nilai anggaran Jabatan dan 3 kajian pasaran kepada PB.  |
| PB            | 4. Buat keputusan berasaskan harga yang munasabah selaras dengan harga, kualiti, spesifikasi dan tempoh bekalan.  |
| PP(B)         | 5. Buat perolehan dan pantau bekalan.   |
|               | 6. Buat pengesahan terimaan dan perakuan bayaran.   |

#### 7.1.2 Keputusan Ahli Jemaah Pengarah – selaras dengan jadual 1

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Tanggungjawab | Tindakan  |
|---------------|---|
| PP(B)         | 1. Sediakan senarai dan spesifikasi barangan atau perkhidmatan atau kerja yang diperlukan untuk buat perolehan.   |
| PP(B)         | 2. Dapatkan tiga (3) sebut harga kajian pasaran dari pembekal berasaskan Jadual 1 perkara 4.3.1 (i).  |
| PP(B)         | 3. Serahkan nilai anggaran Jabatan dan 3 kajian pasaran kepada PB untuk dibuat penilaian dan keutamaan.   |
| PB            | 4. Membuat penilaian dan keutamaan berasaskan kepatuhan spesifikasi, tawaran harga yang munasabah, tempoh bekalan dan "value for money" kepada PP untuk kelulusan Mesyuarat AJP PP. |
| AJP           | 5. Mesyuarat AJP membuat keputusan atas cadangan PB.  |
| PP(B)         | 6. Buat perolehan dan pantau bekalan.   |
|               | 7. Buat pengesahan terimaan dan perakuan bayaran.   |

7.2. **SEBUTHARGA**  
No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Tanggungjawab            | Tindakan   |
|--------------------------|--|
| PP(B)                    | 1. Tentukan bekalan atau perkhidmatan dan kelulusan peruntukan.  |
|                          | 2. Sediakan spesifikasi teknikal di peringkat PP.  |
|                          | 3. Sediakan dokumen sebutharga.  |
| PB/PP(B)<br>PA           | 4. Pamerkan notis pelawaan sebutharga pada papan kenyataan atau pelawaan sebutharga kepada syarikat yang layak.  |
|                          | 5. Kunci peti sebutharga disimpan dan dipegang oleh PB/PP(B) dan PA.   |
|                          | 6. Tutup sebutharga jam 12.00 tengahari dan buka sebutharga selepas jam 12.00 tengahari dan tidak lewat jam 1.00 petang. Dokumen sebutharga yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan. |
|                          | 7. Peti sebutharga/tender perlu dibuka dalam/semasa mesyuarat Jawatankuasa Pembuka.  |
| JKBSH                    | 8. Mesyuarat Jawatankuasa Pembuka Sebutharga sediakan laporan dan ditandatangani.  |
| JKNKSH/JKNHSH/<br>JKNTSH | 9. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Sebutharga perlu diadakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tutup dan sediakan laporan serta ditandatangani.  |
| JKSH                     | 10. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga dan sediakan minit keputusan sebutharga kepada yang berjaya. Keputusan tidak sebulat suara / lebih had nilai RM500,000 dibawa ke JKT untuk keputusan.  |
| PT                       | 11. Surat setuju terima dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya.  |
| PP(B)                    | 12. Semak kesempurnaan bekalan/kerja/ perkhidmatan.  |
|                          | 13. Pengesahan terimaan dan perakuan bayaran.  |

### 7.3. TENDER

No. Keluaran : 02

No. Pindaan : 01

Tarikh:

## PROSEDUR KUALITI

PK-PT-01

| Tanggungjawab             | Tindakan  |
|---------------------------|---|
| PP(B)                     | 1. Tentukan bekalan / perkhidmatan dan kelulusan peruntukan.  |
|                           | 2. Sediakan spesifikasi teknikal di peringkat PP.   |
|                           | 3. Sediakan dokumen tender dan pengiklanan.   |
| PB/PP(B)<br>PA            | 4. Penjualan Dokumen Tender.  |
|                           | 5. Kunci peti tender disimpan dan dipegang oleh PB/PP(B) dan PA   |
|                           | 6. Tutup peti tender jam 12.00 tengahari dan buka peti tender selepas jam 12.00 tengahari dan tidak lewat jam 1.00 petang. Dokumen tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan |
|                           | 7. Peti tender perlu dibuka dalam/semasa mesyuarat Jawatankuasa Pembuka   |
| JKBT                      | 8. Mesyuarat J/Kuasa Pembuka Tender sediakan laporan dan ditandatangani   |
| JKNKT/<br>JKNHT/<br>JKNTT | 9. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Sebutharga perlu diadakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh tutup dan sediakan laporan serta ditandatangani.   |
| JKT                       | 10. Mesyuarat J/Kuasa Tender dan sediakan minit keputusan Tender kepada yang berjaya.   |
|                           | 11. Minit keputusan Tender ditandatangani oleh semua Ahli Mesyuarat JKT.  |
| P(T)                      | 12. Surat setuju terima dikeluarkan kepada pembekal yang berjaya dan perjanjian disempurnakan.  |
